
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

ZCT 218/3 - Kaedah Matematik

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemua LIMA soalan. Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

(1) Pertimbangkan fungsi berikut:

$$f(x) = \begin{cases} \cos(\pi x), & -1 \leq x < 0 \\ -2, & 0 \leq x \leq 1 \end{cases}$$

(a) Lakarkan fungsi ini dalam julat yang diberikan. (10/100)

(b) Wakilkan fungsi $f(x)$ ini dalam julat $-1 \leq x \leq 1$, dengan siri Fourier. (90/100)

(2) (a) Cari songsangan transformasi Laplace bagi:

$$F(s) = \frac{1}{(s + \sqrt{2})(s - \sqrt{3})}$$

(20/100)

(b) Tunjukkan:

$$L\{\sinh(at)\sin(at)\} = \frac{2a^2s}{s^4 + 4a^4}$$

(20/100)

(c) Dengan menggunakan teknik transformasi Laplace, selesaikan persamaan pembezaan yang berikut:

$$y'' + \omega^2 y = \cos(2t); \quad \omega \text{ pemalar}; \quad \omega^2 \neq 4$$

$$y(0) = 1; \quad y'(0) = 0$$

(60/100)

(3) (a) Cari transformasi Fourier bagi:

$$f(x) = \begin{cases} x e^{-x}; & x > 0 \\ 0; & x < 0 \end{cases}$$

(70/100)

(b) Takrifkan kamiran tetap bagi fungsi Gamma, $\Gamma(z)$, diberikan sebagai:

$$\Gamma(z) = \int_0^{\infty} x^{z-1} e^{-x} dx, \quad \operatorname{Re}(z) > 0$$


...3/-

Dengan menggunakan takrifan ini, nilaiakan kamiran berikut:

$$I = \int_0^{\infty} \exp(-x^4) dx$$


(30/100)

- (4) Satu tali yang tidak kenyal diregangkan, dan hujung-hujungnya diikat dengan ketat pada dinding. Panjang tali ini ialah β dan ketumpatan jisim per unit panjangnya ialah σ . Pada masa $t = 0$, keadaan tali dengan ketegangan T adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.




Rajah 1

Halaju melintang pada tali bila $t = 0$, iaitu $v(x,0) = \frac{du(x,t)}{dt} \Big|_{t=0}$ adalah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2.



Rajah 2

- (a) Tuliskan persamaan gelombang bagi sesaran melintang sistem tali yang bergetar, $u(x,t)$. (10/100)
- (b) Nyatakan syarat-syarat sempadan dan syarat-syarat awal bagi sistem tali yang diuraikan di atas. (20/100)
- (c) Dengan kaedah pembolehubah terpisahkan, terbitkan penyelesaian am bagi persamaan gelombang dalam (a). (30/100)
- (d) Dengan jawapan-jawapan dalam (b) dan (c), cari penyelesaian khusus bagi $u(x,t)$. Nyatakan jawapan akhir dalam bentuk pekali yang terlibat, dan nyatakan bagaimana untuk menilai pekali tersebut. Anda tidak perlu selesaikan kamiran tersebut. (40/100)
- (5) Satu bar logam yang homogen dengan panjang l meter adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.



Rajah 3

Hujung-hujung logam dan permukaan luar di sepanjang bar logam dibalut dengan penebat haba supaya tiada haba hilang melalui hujung-hujungnya.
Bahan logam dicirikan oleh:

$$\text{Pengkonduksian haba, } \Omega = 2 \text{ J} \cdot \text{m}^{-2} \cdot \text{s}^{-1}$$

$$\text{Haba tentu, } C = 1 \text{ J} \cdot \text{kg}^{-1} \cdot (\text{ }^{\circ}\text{C})^{-1}$$

$$\text{Ketumpatan, } \rho = 1 \text{ kg} \cdot \text{m}^{-3}$$

$$\text{Nota: } \alpha^2 = \eta = \frac{\Omega}{C\rho}$$

...5/-

Jika suhu pada bar logam bersandar terhadap panjang x dan masa t sahaja,

- (a) Tuliskan persamaan haba bagi bar logam ini. (10/100)
- (b) Tuliskan syarat-syarat sempadan bagi sistem ini. (10/100)
- (c) Dengan kaedah pembolehubah terpisahkan, cari penyelesaian am bagi persamaan pembezaan dalam (a). (45/100)
- (d) Diberi suhu awal bar logam tersebut adalah:

$$u(x,0) = G$$

dengan G sebagai satu pemalar positif. Dengan syarat-syarat sempadan dari (b) dan syarat awal ini, cari penyelesaian khusus bagi suhu di sepanjang bar logam itu.

(35/100)

Lampiran

Jadual Transformasi Laplace

$f(t)$	$L\{f(t)\} = F(s)$
c	$\frac{c}{s}$
t^n	$\frac{n!}{s^{n+1}}$
$e^{\alpha t}$	$\frac{1}{s - \alpha}$
$te^{\alpha t}$	$\frac{1}{(s - \alpha)^2}$
$\sin(\alpha t)$	$\frac{\alpha}{s^2 + \alpha^2}$
$\cos(\alpha t)$	$\frac{s}{s^2 + \alpha^2}$
$e^{\alpha t} \sin(kt)$	$\frac{k}{(s - \alpha)^2 + k^2}$
$e^{\alpha t} \cos(kt)$	$\frac{s - \alpha}{(s - \alpha)^2 + k^2}$
$\sin(\alpha t) - \alpha t \cos(\alpha t)$	$\frac{2\alpha^3}{(s^2 + \alpha^2)^2}$